

# 14.46 juta hektar kawasan hutan simpan kekal diwartakan

KUALA LUMPUR - Seluas 14.46 juta hektar kawasan hutan diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) sehingga tahun 2015.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri (**gambar**) berkata, kawasan HSK itu diurus melalui amalan pengurusan hutan secara berkekalan untuk kepentingan ekonomi, sosial dan alam sekitar negara.

"Kementerian komited dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan sularas dengan komitmen negara di peringkat antarabangsa untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan berhutan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Tang Seng Giaw (DAP-Keppong)** mengenai perkembangan dan keberkesanan dalam memelihara hutan di



Sidang  
Dewan Rakyat



seluruh negara ketika sesi soal jawab pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Hamim berkata, menerusi amalan tersebut, ia berjaya meningkatkan HSK di Semenanjung Malaysia seluas 86,653 hektar dari tahun 2000 hingga 2016 se-

lain berjaya menanam 82 juta pokok seluruh negara bagi tempoh 2010 hingga 2016.

"Seterusnya negara menjana pendapatan daripada eksport produk kayu-kayan iaitu sebanyak RM22.14 bilion pada tahun 2015 dan RM22.11 bilion pada tahun 2016 serta pewartaan kawasan hutan tадahan air seluas 734,731 hektar daripada (kawasan HSK) seluas 816,833 hektar yang dikenal pasti sehingga tahun lepas," katanya.  
- Bernama